

THE TITAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

15 JANUARI 2023 | BIL: 42
www.richworks.com

Industry View
PELANCONGAN
MEMANCING

FISHING BUDDIES ACADEMY (FBA)

DARI LOKASI MEMANCING
KE KELAS ONLINE



BEKAS PEGAWAI TENTERA, JUTAWAN KELAS MEMANCING ONLINE

Hari-hari belajar, hari-hari berlatih. Itu sudah menjadi kelaziman kepada semua pegawai dan anggota tentera.

Namun, kata-kata itu tetap kekal dipegang oleh bekas pegawai tentera dan atlet pemancing profesional syarikat memancing terbesar dunia, Shimano, Syafi'e Abdul Shukor.

Kini, beliau merupakan pengasas Fishing Buddies Academy (FBA).

KETENTERAAN VS PERNIAGAAN

Menurut Syafi'e, terdapat perbezaan serta persamaan antara bidang ketenteraan dan perniagaan.

"Kenapa saya pergi belajar? Sebab tak semua benda saya faham dulu boleh *apply* dalam dunia perniagaan terutamanya kepimpinan.

"Dulu dalam tentera kepimpinan kita lebih kepada autokratik. Kita cakap itu adalah sebagai satu arahan.

"Dalam bisnes, kita cakap dengan *team*. *Team* tak dengar kita tak boleh nak marah terus dengan dia. Kita tak boleh nak jatuh hukuman kepada mereka seperti dalam tentera.

"Kepimpinan adalah satu seni, semua gaya kepimpinan adalah baik dan perlu disesuaikan mengikut keperluan dan keadaan," jelasnya.

Ditanya mengapa bekas pegawai tentera ini meninggalkan seragam kebanggaannya?

Jawabnya, beliau mencari kebebasan masa (*freedom of time*), wang (*money*) dan pilihan (*choice*).

"Ketiga-tiga perkara ini agak terhad ketika saya dalam perkhidmatan," ujarinya lagi.

PENERJUNAN NAK UBAH HIDUP

Walau sudah bersara, Syafi'e tidak mensia-siakan kemahiran yang dimiliki ketika bersama 10 Briged Para.

Beliau masih aktif melakukan penerjunan bersama kelab penerjunan.

Menyentuh mengenai penerjunan, katanya ketakutan melakukan penerjunan dapat diatasi apabila ada ilmu, yakin dengan guru dan peralatan digunakan.

"Nak kait dengan kita punya kehidupan nak ubah hidup, kenapa orang takut nak ubah hidup sebab ada ketakutan itu.



"Mentor usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman kongsi 10 ketakutan seperti ada yang takut kerugian, sakit dan kemiskinan.

"Untuk kita nak kuasai ketakutan itu, kita perlu ada guru yang betul untuk memberi bimbingan," jelasnya.

Pada penerjunan hujung bulan Disember lalu, beliau turut mengibarkan bendera Nak Ubah Hidup (NUH).

"Program pertama saya sertai di RichWorks adalah NUH, seterusnya menyertai program mentoring Spire pada 2019," ujarinya.

Berada dalam program Spire selama dua tahun sebelum ke Titanium, beliau menegaskan bahawa kejayaan memerlukan proses. "Bukan kita belajar hari ini esok terus jadi jutawan, ada proses dia," jelasnya.

RUGI TAHUN PERTAMA

Tahun pertama memulakan perniagaan, beliau tidak berjaya malah mengalami kerugian.

"Saya pada tahun pertama bisnes sebenarnya banyak rugi. Tak ada apa-apa peningkatan yang berlaku. "Namun alhamdulillah, bila saya mula belajar dekat situ mula nampak perkembangan," kongsiya.

Sehubungan itu, beliau menekankan betapa penting menuntut ilmu.

"Nasihat saya kepada orang di luar sana terutama pesara tentera, pergi belajar, jangan berhenti. Saya *encourage* untuk pergi kelas, jangan pergi satu atau dua kelas sahaja.

"Dalam tentera kalau 30 tahun perkhidmatan, 30 tahun dibimbing. Bila tamat perkhidmatan, mesti dibimbing juga. Itu memang dah budaya kita," ujarinya.



“

**DI RICHWORKS KITA BELAJAR
DARIPADA DR. AZIZAN
DAN PENGALAMAN CIRCLE
DI DALAMNYA SUPAYA
MEMUDAHKAN SERTA
MEMPERCEPATKAN PROSES
KEJAYAAN, APA YANG KITA
BELAJAR DITERJEMAH
DENGAN TINDAKAN,”**

Mengulas lanjut, katanya ilmu terbahagi kepada dua iaitu dapatan dan sukatan.

“Ilmu sukatan adalah ilmu yang dikumpulkan seperti saya belajar di RichWorks, manakala ilmu dapatan diperoleh daripada pengalaman dan kegagalan saya sendiri sebelum ini.

“Di RichWorks kita belajar daripada Dr. Azizan dan pengalaman circle di dalamnya supaya memudahkan serta mempercepatkan proses kejayaan, apa yang kita belajar diterjemah dengan tindakan,” jelasnya.

TUTUP KOLAM

Siapa pun tidak boleh menolak bahawa 2020 merupakan tahun yang sukar buat semua bangsa usahawan.

Kolam pancing diusahakan terpaksa ditutup selama 16 bulan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun itu.

Begitupun, beliau mengekalkan energi yang tinggi.

“Saya yakin dengan energi yang tinggi *income* juga tinggi dan akan hasilkan *results* luar biasa.

“Dalam tempoh PKP juga, saya gandakan energi dengan buat Facebook Live sehari empat kali,” ujarnya.

Beliau juga yakin dengan kata-kata yang selalu disampaikan oleh Dr. Azizan, bahawa setiap masalah adalah peluang.

“Yang menjadi masalah apabila individu tersebut tidak pakar dalam bidang yang ditawarkan, bila tak dapat selesaikan masalah orang bagaimana perniagaan itu nak dapat pulangan?

“Adakah aku mampu nak selesaikan masalah orang? Kalau kita dapat selesaikan masalah orang, insyaAllah pendapatan akan ikut sama,” ujarnya.



BELAJAR CASTING ONLINE


Ketika kolam pancing ditutup, beliau menumpukan perkhidmatan mengajar pemancing menjadi pemancing profesional dan bagaimana memilih alat sesuai secara *online* sahaja.

Nak belajar *casting* tak semestinya perlu ke kolam pancing, laut atau sungai. Memancing memerlukan tiga kemahiran asas iaitu menguasai peralatan, teknik dan strategi.

"Dulu ramai skeptikal untuk belajar memancing secara *online*, kini FBA telah membantu hampir 20,000 orang pemancing dari dalam dan luar negara.

"Teknik yang betul ketika memancing amat penting bagi mengelak kerugian, memandangkan kos memancing agak mahal," katanya.

Ketika itu, ada juga yang menyindir sinis mengajar memancing di dalam bilik berhawa dingin.





PENCAPAIAN

Pada 2020, FBA mencapai jualan RM612,000 berbanding hanya RM225,495 pada 2019.

Lebih menggembirakan, RM1 juta pertama diraih pada 2021.

"Kalau masih kekal dengan ilmu yang sama, mungkin sales saya masih sekitar RM200,000 saja," tegasnya.

Dalam pada itu, beliau turut gembira dengan perubahan ketara team pada 2022.

"Team dah boleh tinggal sendiri, mereka sangat solid pada 2022. Kita ada team coach yang baru, team marketing dan sales yang lebih solid.



"Dulu saya masih lagi kena monitor, 2022 penglibatan saya semakin kurang. Kira-kira 20% sahaja. Selebihnya team buat sendiri.

"Team dah nampak visi dan misi FBA. Mereka pun dah boleh set target sendiri," jelasnya.

4

NASIHAT

Syafi'e Abdul Shukor

PERTAMA, hidup mesti ada matlamat.

"Kita kena ada misi. Ibarat nak ke satu tempat kita gunakan *waze* atau *google map* dan letak destinasi kita. Hidup dan bisnes mesti ada misi yang jelas," tegasnya.

KEDUA, perlu ada ilmu.

"Nak menuju ke satu tempat tu, kita mesti ada ilmu. Jika tidak macam mana kita nak sampai?" soalnya.

KETIGA, guru yang mahir dan ada *results*.

"Carilah guru yang ada *results* dan ahli dalam bidang itu. Kalau berguru ni tak boleh nak ramai-ramai guru takut nanti salah faham. Cari mereka yang dah ada *results*. Apa sahaja bidang," ujarnya.

KEEMPAT, selalu muhasabah diri.

"Apa sahaja kita capai berjaya atau gagal, kita perlu bermuhasabah. Saya selalu pegang 3B, macam selalu diberitahu Dr. Azizan iaitu berilmu, berguru dan bermuhasabah.

"Ini memang saya pegang dari dulu sehingga sekarang," kongsi Shafi'e mengakhiri perbualan. 📌



Delancongan MEMANCING



Apa yang terlintas dalam fikiran mengenai hobi memancing? Mungkin ada yang berpendapat memancing merupakan satu aktiviti yang tidak berfaedah.

Aktivitinya cuma duduk sahaja dan tunggu hingga ikan makan umpan. Nampak macam membazir masa bukan?

Namun, sebenarnya banyak juga kebaikan daripada aktiviti ini.

Secara umumnya, aktiviti ini dilakukan oleh individu ataupun sekumpulan orang yang

memanfaatkan masa lapang mereka untuk kepuasan minda dan fizikal.

Menurut jurnal British of Sports Medicine, individu yang suka duduk di bawah pohon yang rendah dan menghabiskan masa di tepi sungai mempunyai keupayaan untuk fokus dalam jangka masa yang lebih panjang dan kurang tekanan.

KOS MEMANCING

Tanya saja mana-mana kaki pancing tentang kos yang mereka keluarkan untuk melunaskan hobi tersebut, pasti akan ada

yang memberi jawapan yang jumlahnya amat banyak dan sudah tidak terkira.

Ini kerana, mereka bukan saja akan rela melaburkan duit poket untuk membeli peralatan memancing yang bersesuaian, malah turut bersedia mengeluarkan perbelanjaan besar bagi menyewa bot dan sebagainya.

Bagi yang tidak berkesempatan ke sungai atau laut, mereka akan mengeluarkan kos ke kolam berbayar.

Malah isteri yang tidak suka rumah bersepah dengan peralatan memancing, mungkin juga menghadihkan suami rak untuk menyusun joran. Untungkan...

PERTANDINGAN MEMANCING

Pertandingan memancing sama ada di peringkat tempatan, kebangsaan ataupun antarabangsa merupakan acara menjadi tarikan kepada kaki pancing termasuklah pemancing sara diri, pemancing rekreasi, pemancing penduduk tempatan dan pelancong memancing.

Pertandingan memancing pada kebiasaannya menyediakan peraturan, alatan memancing yang dibenarkan, yuran penyertaan dan hadiah pertandingan.

MEMANCING GUNA KAYAK

Memancing bukan lagi sekadar hobi untuk mengisi masa lapang, tetapi sudah diangkat menjadi aktiviti sukan yang kini diminati ramai.

Aktiviti memancing kini bukan sahaja tertumpu kepada kaedah memancing di darat, pantai dan di tengah laut,



menggunakan bot, bahkan boleh juga menggunakan kayak.

Meskipun masih belum popular di negara ini berbanding di sesetengah negara khususnya negara barat seperti Amerika Syarikat, namun ia boleh diketengahkan sebagai satu lagi produk pelancongan di negara ini.

Bagi kaki pancing, kaedah memancing menggunakan kayak antara patut dicuba, hanya perlu utamakan keselamatan.

Malah cabaran yang dihadapi pemancing juga berbeza ketika melakukan aktiviti memancing menggunakan kayak.

Memancing di atas kayak tidak sama seperti memancing di atas bot.

Jika di atas bot pemancing mempunyai rakan-rakan yang boleh membantu, selain bebas



**AKTIVITI MEMANCING
KINI BUKAN SAHAJA
TERTUMPU KEPADA
KAEDAH MEMANCING
DI DARAT, PANTAI
DAN DI TENGAH LAUT,
MENGUNAKAN BOT,
BAHKAN BOLEH JUGA
MENGUNAKAN KAYAK.**

bergerak untuk mencari kedudukan sesuai ketika menaikkan ikan.

Memancing di atas kayak, pergerakan sangat terbatas dan perlu menggunakan kudrat dan kemahiran sendiri untuk menaikkan ikan kerana berseorangan.

Meskipun baru diperkenalkan di Malaysia, aktiviti ini sudah tentunya memiliki peminatnya yang tersendiri.

Bagi yang sukakan cabaran, mungkin ini aktiviti yang perlu anda cuba.

Kaedah memancing ini diperkenalkan oleh Port Dickson (PD) Watersports Sdn Bhd, di Pantai Bagan Pinang.

Pada perkembangan sama, menurut Pengarah Urusan Port Dickson (PD) Water

Sports, Mazuan Mohd Noor, perkhidmatan sewaan kayak yang diwujudkan untuk tujuan ini menunjukkan ia mempunyai potensi besar untuk berkembang di Malaysia.

Katanya, inisiatif khidmat sewaan kayak mampu menjana pendapatan penduduk setempat dan mempopularkan aktiviti ekopelancongan di pusat pelancongan popular itu.

PELANCONGAN MEMANCING

Pelancongan memancing merupakan salah satu pelancongan alternatif yang popular di Barat tetapi masih baru dalam konteks pembangunan dan penyelidikannya di Malaysia.

Memetik artikel bertajuk konsep, segmentasi dan potensi penyelidikan dalam pelancongan memancing di Malaysia terdapat tiga kategori pelancong memancing, iaitu fishing tourist (motivated), tourism angler (inspired) dan tourism angler (attracted).

a) Fishing tourist (motivated)

Sekiranya motif utama dalam proses pemilihan destinasi percutian ialah aktiviti memancing maka kategori pelancong ini dikenali sebagai fishing motivated tourist.

Sebagai contoh, sekumpulan kaki pancing dari Miri, Sarawak yang datang bercuti ke Kota Kinabalu untuk tempoh seminggu dengan tujuan utama semata-mata untuk aktiviti memancing.

Kategori pelancong ini turut melibatkan peserta pertandingan memancing dari Kota Bahru, Kelantan yang menyertai pertandingan memancing laut dalam peringkat antarabangsa selama empat

hari lima malam di Kota Kinabalu, Sabah.

b) Tourism angler (inspired)

Kategori pelancong ini menjadikan aktiviti memancing sebagai salah satu daripada beberapa motif lain yang telah ditetapkan semasa membuat keputusan dalam menentukan destinasi percutian.

Kumpulan pelancong ini dianggap sebagai fishing inspired tourist. Sekiranya aktiviti memancing hanya menjadi faktor sekunder dalam proses pemilihan destinasi, maka pelancong memancing ini dikenali sebagai tourism angler (inspired).

Tourism angler (inspired) menjadikan aktiviti memancing sebagai salah satu aktiviti dalam percutian selain daripada pelbagai aktiviti seperti selam skuba, snorkeling, melawat perkampungan nelayan dan bersantai di tepi pantai.

c) Tourism angler (attracted)

Untuk kategori pelancong ini, aktiviti memancing tidak mempengaruhi keputusan dalam proses memilih destinasi percutian tetapi boleh menjadi salah satu daripada aktiviti semasa dalam percutian.

Mereka turut dikenali sebagai tourism angler (attracted) kerana aktiviti memancing termasuk dalam faktor sekunder semasa melancong.

Pelancong akan membuat keputusan



untuk sama ada memancing atau sebaliknya ataupun ke mana hendak pergi memancing apabila sampai di satu-satu destinasi yang telah dipilih.

Dengan kata lain, memancing tidak memberi makna yang signifikan dalam proses pemilihan destinasi.

Sebelum ini, mungkin memancing lebih dilihat sebagai hobi sahaja.

Jika anda mempunyai kemahiran dan minat memancing serta mahu menceburkan diri dalam bidang perniagaan, pelancongan memancing mempunyai potensi yang besar.

Bak kata Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman, bukannya seronok apabila dapat menjana pendapatan daripada bidang kita gemari dan mulakan perniagaan dengan apa yang ada di tangan.

Pengasas Fishing Buddies Academy (FBA), Syafi'e Abdul Shukor telah memulakan kelas memancing secara online, siapa pula akan mempelopori pelancongan memancing?🔴

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

Kejayaan Bisnes & Wang 2023



Mentor Usahawan
DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN

NAK-UBAH HIDUP

4 - 6 FEBRUARI 2023
Setia City Convention Centre (SCCC)

www.NakUbahHidup.com



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 – FEB 2023

richworks.com/mmm



Best

**Business
Evaluation
Success
Transformation**




BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM **zoom**



E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.